

NO. SOALAN: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH  
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017**

**RUJUKAN : 10151**

**SOALAN:**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status terkini berhubung tindakan ataupun siasatan pihak berkuasa seperti mana yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang dikeluarkan sejak April 2016 yang lalu berpendapat terdapat kekangan dan kelemahan tertentu oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB khususnya bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi yang perlu mengambil tanggungjawab atas kelemahan dan kekangan-kekangan tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**PDRM telah menjalankan siasatan ke atas Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) terhadap Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Dalam proses siasatan ini, PDRM telah merakam percakapan daripada beberapa orang saksi termasuk penama bagi membantu siasatan polis.**

**PDRM telah merujuk hasil siasatan dan menunggu arahan selanjutnya dari Jabatan Peguam Negara. Bagi memastikan proses siasatan yang sedang dijalankan tidak terganggu, Kementerian tidak bercadang untuk mendedahkan butiran siasatan sehinggalah keputusan muktamad mengenai siasatan dibuat oleh Jabatan Peguam Negara.**